

01/11/2001

PM diterima antarabangsa

SETIAUSAHA Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri 33 forum antarabangsa tahun lalu dan 21 forum sehingga Oktober tahun ini.

Menjawab soalan asal Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman), beliau berkata, forum yang dijalankan di dalam dan luar negara itu dianjurkan kerajaan, badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kita perlu menerima hakikat, Perdana Menteri kita diterima pada peringkat antarabangsa dan apa saja dasar yang dikemukakannya menjadi ikutan ramai," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Tebrau).

(END)